

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JANUARI 2024

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 36

NDFB memudahkan urusan perniagaan



RAFIZI

NDFB mudahkan urusan perniagaan

PETALING JAYA - Kerajaan melalui platform Pemudah sedang merangka dokumen *New Deal for Business* (NDFB) untuk meningkatkan keyakinan perniagaan, merangsang pertumbuhan ekonomi serta mendorong transformasi digital negara, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Jelasnya, dokumen tersebut dijangka dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada Mac depan, disusuli dengan pelaksanaan beberapa projek perintis sebagai permulaan sebelum pelancarannya pada Jun 2024.

"NDFB memperincikan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan isu bagi menambah baik persekitaran perniagaan dengan menangani cabaran berbentuk struktur dan situasi.

"Fokus ditumpukan kepada reformasi struktural ke arah menangani kerenah birokrasi, penyampaian peraturan yang tidak cekap dan beban peraturan yang tidak wajar terhadap pelabur dan perniagaan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Rafizi menambah, pelaksanaan NDFB akan memberi impak kepada pelaburan langsung asing dan domestik, penciptaan pekerjaan baharu serta meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

"NDFB turut diselaraskan dengan sasaran Ekonomi Madani untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia.

"Selain itu, ia juga akan meningkatkan Indeks Keyakinan Perniagaan negara untuk tahun 2024 dan seterusnya," katanya.